

SOALAN NO : 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH :
SOALAN : 70

DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk mengkaji dengan lebih lanjut penggunaan bayam untuk memperbaiki jaringan yang rosak pada sistem jaringan vaskular jantung seperti yang sedang dikaji dengan teliti oleh *Worcester Polytechnic Institute*.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan penerbitan yang telah dibuat oleh pihak *Worcester Polytechnic Institute* (WPI), kajian ke atas sistem jaringan daun ini (contoh yang digunakan ialah daun bayam) masih berada di peringkat awal iaitu di tahap kajian ke atas sel (*in vitro*). Setakat ini, pihak WPI (yang merupakan pelopor kajian) hanya telah menemui persamaan antara sistem jaringan yang terdapat pada daun dan sistem jaringan pembuluh darah mamalia. Berdasarkan persamaan ini, WPI membuat postulasi bahawa terdapat

potensi penggunaan sistem jaringan spesis tumbuhan untuk memperbaiki jaringan yang rosak pada sistem vaskular jantung manusia.

Memandangkan kajian ini masih diperingkat awal, terdapat banyak lagi peringkat kajian yang perlu dijalankan dan ianya akan memerlukan masa dan kos yang tinggi. Disamping itu, pihak Kementerian juga menghadapi kekangan kepakaran dan teknologi yang diperlukan untuk kajian yang melibatkan *tissue engineering* ini.

Oleh itu, buat masa ini Kementerian Kesihatan Malaysia tidak ada rancangan untuk menjalankan kajian berkaitan penggunaan jaringan daun ini. Pihak Kementerian akan mengikuti perkembangan kajian yang dijalankan oleh pihak WPI dan bilamana terdapat cukup bukti bahawa sistem ini adalah efektif, pihak kami akan menjalankan kajian yang diperlukan.